

28 AUG 2003

Rahim-Islam

PERSIDANGAN ISLAM : SUMBANGAN M'SIA SATUKAN NEGARA ISLAM

Oleh: Sharifah Nur Shahrizad Syed Mohamed Sharer

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Penganjuran Persidangan Antarabangsa Pemimpin-pemimpin Muda Islam (ICMYL) bulan depan merupakan salah satu sumbangan Malaysia untuk merapatkan silaturrahim antara para pemimpin muda negara-negara Islam dunia.

Pengerusi ICMYL Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berkata dalam keadaan dunia Islam yang bergolak dan sering dipandang penuh prasangka, adalah penting untuk mewujudkan satu kesedaran di kalangan pemimpin muda khasnya untuk memperbetulkan keadaan dan menaikkan kembali imej Islam yang tercalar.

"Satu kesedaran dan keinsafan baru harus timbul khususnya di kalangan generasi muda pemimpin-pemimpin Islam supaya memperbetulkan keadaan dengan membentuk masa depan dan untung nasib ke arah matlamat yang lebih baik," katanya kepada Bernama ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Abdul Rahim berkata atas kesedaran itu, Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan persidangan yang akan menghimpunkan buat pertama kalinya pemimpin muda dari seluruh dunia Islam sebagai satu komuniti antarabangsa yang prihatin terhadap hala tuju umat Islam keseluruhannya.

Beliau berkata walaupun Malaysia merupakan sebuah negara yang kecil berbanding negara Islam lain, namun Malaysia komited untuk memainkan peranan yang proaktif dengan harapan untuk megubah kedudukan dan martabat dunia Islam.

Persidangan itu yang dianjurkan oleh Yayasan Penggerak Wawasan akan berlangsung dari 14 hingga 16 Sept ini sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober. Ia antara lain bertujuan membolehkan peserta merasai bahawa mereka merupakan sebahagian daripada gagasan kepimpinan dunia Islam yang dapat menyuarakan pendapat, hasrat, cita-cita dan harapan pada persidangan itu.

Persidangan yang disifatkan sebagai "OIC kecil" itu juga bertujuan mendedahkan peserta kepada pengalaman Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju dan boleh dicontohi terutama dalam aspek yang berkaitan dengan perpaduan ummah, keharmonian kaum, toleransi beragama, proses penguasaan ilmu, usaha membasmi kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan kemakmuran negara.

"Kita ingin menjadikan Malaysia sebagai rujukan, contoh dan teladan yang baik kepada negara-negara Islam yang kebanyakannya sama ada mundur, miskin, tidak mempunyai sistem kerajaan yang baik atau tiada sistem ekonomi dan pendidikan yang mantap dan mampu memikul tugas dan tanggungjawab untuk memakmurkan rakyat dan negara masing-masing," katanya.

Ia juga akan memberi peluang kepada pemimpin muda terbabit berinteraksi dengan menyuarakan pandangan, pendapat, hasrat dan komitmen mereka terhadap isu-isu semasa yang menyentuh kedudukan, kepentingan dan ketahanan umat Islam pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa, katanya.

Seramai 200 pemimpin muda Islam yang merupakan peserta dari negara-negara OIC dijangka menghadiri persidangan itu. Mereka terdiri daripada pemimpin dalam kerajaan dan sektor swasta yang berpengaruh yang merupakan lapisan kedua kepimpinan di negara masing-masing.

Abdul Rahim berkata 73 negara telah dijemput untuk menghadiri persidangan itu dan setakat ini 24 negara telah mengesahkan penyertaan masing-masing.

Persidangan itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk

Seri Abdullah Ahmad Badawi dan perasmian penutupannya akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Para peserta juga berpeluang menghadiri satu sesi soal jawab bersama Perdana Menteri.

Sebanyak empat kertas kerja yang merupakan cetusan pengalaman Malaysia dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi dan pendidikan, akan dibentangkan sepanjang persidangan terbabit.

Kertas kerja berkenaan ialah Perpaduan Umah dan Toleransi-Positivisme mengenai Persamaan; Pendidikan-Kecemerlangan Tradisi Islam; Ekonomi dan Perdagangan; Peserta dan Pemain Global Islam-Strategi dan Peluang dan Masa Depan Umah.

Seramai kira-kira 18 ketua delegasi akan berucap dan berdebat pada setiap perbentangan kertas kerja yang akan dikendalikan oleh moderator berkaliber, termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Abdul Rahim berkata tema persidangan iaitu "Meningkatkan Kerjasama Islamik Menerusi Ekonomi dan Pendidikan Bagi Melahirkan Sebuah Umah yang Cemerlang" selari dengan tujuan utama persidangan iaitu untuk memperbaiki imej umat Islam itu sendiri.

"Kalau pilih (isu) ekonomi dan pendidikan, maka ruang untuk berkonflik dan bergaduh makin kecil berbanding (jika pilih) subjek berkaitan politik atau agama," katanya.

Isu itu juga dipilih untuk mewujudkan satu kepentingan bersama tanpa melencong kepada subjek yang terlalu subjektif dan membazirkan masa, katanya.

Persidangan itu juga akan membentangkan resolusi bagi mencadangkan penubuhan Yayasan Ekonomi Muslim Sedunia, katanya.

Yayasan itu katanya akan menjadi mekanisme penting bagi mengenal pasti dan melaksanakan projek-projek ekonomi secara kolektif selain berfungsi bagi mengekalkan rangkaian dan kesinambungan siraturrehman di kalangan pemimpin muda Islam pada masa ini dan akan datang.

Abdul Rahim berkata bagi menarik minat negara Islam menyertai yayasan tersebut, Malaysia akan menubuhkan sekretariat di sini bagi mengatur beberapa projek awal yang akan diuruskan secara bersama oleh golongan profesional tempatan dan negara yang berminat.

"Segala hasil yang diperolehi daripada projek-projek itu akan digunakan untuk membiayai pelajar daif dari negara-negara Islam miskin untuk mengikuti pengajian, khasnya dalam bidang teknikal, sains, kejuruteraan dan teknologi maklumat di sini," katanya.

Yayasan itu juga akan bertindak sebagai pusat maklumat yang akan membantu negara-negara Islam lain menyusun pentadbiran negara mereka selain menjadi pusat rangkaian perdagangan, maklumat dan perkhidmatan di kalangan negara-negara Islam, katanya.

Beliau berkata resolusi itu akan dibawa untuk mendapatkan pengiktirafan OIC semasa berlangsungnya persidangan itu.

Menurutnya para peserta juga akan dibawa melawat Melaka, Putrajaya dan Pulau Pinang bagi memperlihatkan kepada mereka bukti kejayaan pembangunan negara.

Di Melaka, mereka berpeluang melihat secara realistik keharmonian kaum dan toleransi beragama yang telah wujud sejak 600 tahun dahulu, katanya.

Abdul Rahim berkata Putrajaya yang menjadi pusat pentadbiran negara pula akan menonjolkan mekanisme kerajaan yang moden dan canggih yang diurus oleh sebuah negara Islam seperti Malaysia manakala di Pulau Pinang, para peserta berpeluang untuk melihat operasi kawasan perdagangan bebas yang diwujudkan dengan matlamat meningkatkan ekonomi domestik negara melalui kehadiran pelabur multinasional dari seluruh dunia.

SNS KHY LAT